

BAB 4

SIKAP TERHADAP MEDIA CETAK

4.1 AKHBAR

4.1.1 LATAR BELAKANG AKHBAR

Akhbar pertama di Tanah Melayu diterbitkan di Pulau Pinang ialah *Prince of Wales Island Gazette* (dalam bahasa Inggeris) pada tahun 1805. Kemudian pada tahun 1824, lahir akhbar *Singapore Chronicle* di Singapura. Akhbar-akhbar lain selepas itu ialah *Singapore Free Press*, (1835), *Penang Gazette* (1838), *Straits Times* (1845), *Malay Mail* (1896).

Akhbar berbahasa Melayu bermula dengan terbitnya Akhbar Jawi Peranakan dalam tulisan Jawi. Akhbar ini diterbitkan di Singapura pada tahun 1876. Kemudian muncul akhbar Nujum'l Fajar yang diterbitkan pada 4 September 1877. Akhbar Sekolah Melayu diterbitkan pada 1 Ogos 1888 dan akhbar Bintang Timur pada 2 Julai 1894.

Akhbar

Bintang Timur merupakan akhbar harian pertama diterbitkan di Tanah Melayu. Dalam masa yang sama (mulai Jun 1893), telah wujud akhbar Seri Perak diterbitkan di Taiping, Perak. Di Pulau Pinang, muncul akhbar Tanjung Penegeri mulai 4 Oktober 1894. Di negeri yang sama, muncul sebuah lagi akhbar Pemimpin Warta mulai 4 November 1895.

Perkembangan akhbar kian rancak dengan adanya pengaruh gerakan pembaharuan dan semangat keagamaan dari Timur Tengah. Ini terbukti dengan lahirnya akhbar Jambangan Warta pada Mei 1901 oleh Matbaah Jambangan Warta, di Batu Gajah, Perak. Berita dan rencana akhbar ini memberatkan kepada semangat keagamaan dari tanah Arab. Pada 4 Julai 1904, muncul akhbar Taman Pengetahuan yang memuatkan berita-berita luar negeri dari Turki, Arab dan beberapa negara barat iaitu Amerika, England, Russia, Korea dan Jepun. Berita tempatan juga dimuatkan (Mustaffa Suhaimi, 1986).

Selain itu, muncul beberapa akhbar seperti Utusan Melayu mulai 7 November, 1907. Akhbar ini diterbitkan di Singapura. Akhbar lain yang diterbitkan di Singapura, ialah Neraca mulai 15 Februari 1911 dan Lembaga Melayu 1924. Akhbar yang diterbitkan di Tanah Melayu, ialah Bintang Sembilan mulai April 1925 di Negeri Sembilan, akhbar Perjumpaan Melayu diterbitkan di Muar mulai 24 April 1925 dan Panji-Panji Melayu mulai Julai 1925.

Pada 12 Januari 1926, di Pulau Pinang diterbitkan akhbar Suara Melayu tetapi tidak lama. Pada 4 Ogos 1927, lahir akhbar Cahaya Malaya di bawah pimpinan Muhammad Nordin bin Haji Ahmad. Akhbar ini dapat bertahan selama setahun. Kemudian muncul pula akhbar Saudara pada 29 September 1928 juga diterbitkan di Pulau Pinang di bawah kelolaan Syed Alwi bin Syed Syeikh al-Hadi. Dalam tempoh itu, lahir beberapa akhbar di Tanah Melayu seperti Warta Negeri pada 27 Mei 1929, Lidah Benar pada 3 September 1929, Warta Malaya pada 1 Januari, 1930, Majlis pada 17 Disember 1931, Utusan Melayu pada 19 Mei 1939 dan Cahaya Timur pada 1941.

Dalam tahun 1941 hingga 1945, ketika berlakunya perang Jepun dengan Tentera Bersekutu di Tanah Melayu, telah lahir beberapa akhbar, antaranya *Penang Simbun* (1942), *Chahaya Timur* (1942), *Pancharan Matahari* (1942), *Perubahan Baharu* (1942), *Berita Malai* (1943) dan *Berita Perak* (1944).

Dalam masa pemerintahan Jepun, kawalan ketat terhadap media. Pihak Jepun menggunakan akhbar sebagai alat propaganda. Tidak banyak akhbar diterbitkan, cuma akhbar *Berita Malai*. Pengarangnya Abdul Rahim Kajai, Ishak Haji Muhammad dan Abdul Samad Ismail. Pemerintahan Jepun tidak lama. Pada 14 Ogos 1945, British

memerintah semula Tanah Melayu. Inggeris memberi kelonggaran menerbitkan akhbar. Sebanyak 22 akhbar telah diterbitkan, antara yang berkembang dan mendapat sambutan ialah akhbar Warta Negara diterbitkan di Pulau Pinang pada tahun 1945 dan Warta Mingguan (mulai 1952), Malaya Merdeka (1958) di Johor Baharu, dan Berita Harian (1958) di Kuala Lumpur. Keempat-empat akhbar itu banyak memuatkan berita kesepakatan antara kaum, menghapuskan komunis dan pihak Inggeris menjadi akhbar mencapai matlamat politik, ekonomi dan sosial mengikut acuan mereka (Mustaffa Suhaimi, 1986).

Badan politik seperti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) telah menerbitkan Suara UMNO pada tahun 1946. Tujuannya untuk menyuarakan pandangan orang Melayu terhadap pemerintah British dan menjadi lidah rasmi pertubuhan itu. Akhbar-akhbar lain yang diterbitkan secara harian antara tahun 1945 hingga 1957 ialah Warta Negara (1945), Seruan Rakyat (1945), Pelita Malaya (1946), Chermin Malaya (1946), Melayu Raya (1950) dan Berita Harian (1957).

Perkembangan akhbar selepas merdeka 1957 hingga 1968, dua syarikat terbesar Straits Times dan Utusan Melayu telah mencetak akhbar dalam tulisan rumi. Straits Times menerbitkan akhbar Berita Harian (mulai 1957) dan Berita Minggu (mulai Julai 1960). Sementara syarikat Utusan Melayu menerbitkan akhbar Utusan Malaysia (pada 1964) dan Mingguan Malaysia (mulai 1967).

Selain dari dua akhbar itu yang berpengaruh di Tanah Melayu, lahir akhbar seperti Suara Rakyat dan Pelita Rakyat (merupakan akhbar mingguan). Namun usianya tidak lama bertahan. Ditamatkan pada 1975. Pada tahun 1976, lahir akhbar Bintang Timur, akhbar harian di Pulau Pinang mulai tahun 1976 dan akhbar harian Watan mulai 1977 di Kuala Lumpur.

Akhbar berbahasa Melayu yang diterbitkan seminggu sekali pada awal tahun 1982, ialah Warta Tebrau, Mingguan Perdana, Mingguan Tanahair dan Mingguan Bumi. Sebuah akhbar mingguan yang khusus untuk kaum wanita diterbitkan oleh Kumpulan Amir Enterprise pada 27 Ogos 1982 ialah akhbar Mingguan Wanita.

Walaupun akhbar yang diterbitkan begitu banyak jumlahnya, namun sehingga kini (tahun 2001), akhbar yang popular yang berbahasa Melayu ialah Utusan Malaysia dan Berita Harian merupakan akhbar harian, dan Mingguan Malaysia dan Berita Minggu akhbar mingguan.

4.1.2 ANALISIS PENERIMAAN AKHBAR

Bagi menilai tahap penerimaan responden yang dikaji terhadap akhbar, tiga kategori telah ditetapkan iaitu:

- i. Sentiasa membaca
- ii. Kadang-kadang membaca
- iii. Tidak pernah membaca.

Dalam kajian ini, penerimaan mereka dinilai berdasarkan demografi iaitu jantina dan usia, tahap pendidikan, dan pekerjaan. Pengkaji tidak bertanyakan kepada mana-mana akhbar yang dibaca oleh mereka, sebaliknya memfokus kepada kegemaran mereka membaca.

4.1.3 ANALISIS PEMBACAAN AKHBAR

Jadual 4.0: Frekuensi membaca akhbar kaum lelaki dan wanita

JANTINA	Sentiasa	Kadang-kadang	Tidak pernah	JUMLAH
Lelaki	1 (1.4%)	3 (4.2%)	67 (94.3%)	71 (100%)
Wanita	1 (1.6%)	4 (6.4%)	57 (91.9%)	62 (100%)

Pada Jadual 4.0 di atas daripada 71 responden kaum lelaki yang dikaji, frekuensi mereka yang sentiasa membaca akhbar, cuma 1 orang atau 1.4%, kadang-kadang membaca akhbar seramai 3 orang atau 4.2%. Dengan itu, jumlah kaum lelaki yang membaca cuma seramai 4 orang atau 5.6% berbanding 67 orang atau 94.3% yang tidak pernah membaca.

Bagi kaum wanita daripada 62 responden yang dikaji cuma 1 orang atau 1.6% yang sentiasa membaca dan seramai 4 orang atau 6.4% kadang-kadang membaca. Dengan itu, bilangan yang membaca cuma 5 orang atau 8.0% berbanding yang tidak pernah membaca seramai 57 orang atau 91.9%.

Sekiranya dibuat perbandingan antara kaum lelaki dan wanita, daripada data di atas, kaum wanita (8.0%) lebih minat membaca akhbar berbanding lelaki (5.6%). Bagi bandingan secara keseluruhannya, bilangan yang membaca akhbar cuma 9 orang atau 6.7% sahaja. Bilangan ini amat sedikit berbanding dengan mereka yang tidak pernah membaca akhbar seramai iaitu 124 orang atau 93.2%.

4.1.3.1 PENERIMAAN AKHBAR BERDASARKAN JANTINA DAN USIA

Jadual 4.1a: Frekuensi membaca akhbar bagi kaum lelaki berdasarkan usia

Umur	Responden	Sentiasa membaca	Kadang-kadang	Tidak pernah
12 tahun ke bawah	17	-	-	17 (100%)
13-30 tahun	30	1 (3.3%)	2 (6.6%)	27 (90%)
31-50 tahun	19	-	1 (5.2%)	18 (94.7%)
51-70 tahun	4	-	-	4 (100%)
71 tahun ke atas	1	-	-	1 (100%)
JUMLAH	71	1 (1.4%)	3 (4.2%)	67 (94.3%)

Jadual 4.1a menonjolkan kegemaran pembacaan lelaki terhadap akhbar. Mereka yang berumur 12 tahun ke bawah yang berjumlah 17 orang, tidak seorang pun yang pernah membaca akhbar. Mereka yang berumur 13-30 tahun seramai 30 orang, cuma 1 orang atau 3.3% sentiasa membaca, 2 orang atau 6.6% kadang-kadang dan 27 orang atau 90% tidak pernah membaca. Mereka yang berumur 31-50 tahun seramai 19 orang, cuma 1 orang atau 5.2% yang membaca akhbar itupun kadang-kadang membaca dan mereka paling ramai 18 orang atau 94.7% tidak pernah membaca akhbar. Seramai 4 orang yang berumur 51-70 tahun tidak seorang pun yang pernah membaca akhbar. Begitu juga 1 orang yang berumur 71 tahun ke atas juga tidak pernah membaca akhbar.

Daripada data di atas dari segi peratusan pembacaan hanya 1.4% sentiasa membaca akhbar, 4.2% kadang-kadang membaca dan 94.3% tidak pernah membaca. Ini bermakna mereka yang membaca akhbar cuma 4 orang atau 5.6% berbanding tidak membaca adalah seramai 67 orang atau 94.3%.

Jadual 4.1b: Frekuensi membaca akhbar bagi kaum wanita berdasarkan usia

Umur	Reponden	Sentiasa membaca	Kadang-kadang	Tidak pernah
12 tahun kebawah	12	-	-	12 (100%)
13-30 tahun	35	-	2 (5.7%)	33 (94.2%)
31-50 tahun	14	1 (7.1%)	2 (14.2%)	11 (78.5%)
51-70 tahun	1	-	-	1 (100%)
71 tahun ke atas	-	-	-	-
JUMLAH	62	1 (1.6%)	4 (6.4%)	57 (91.9%)

Jadual 4.1b di atas menggambarkan pembacaan di kalangan wanita. Seramai 12 orang yang berumur 12 tahun ke bawah, tidak seorang pun yang pernah membaca akhbar. Mereka yang berumur 13-30 tahun yang berjumlah 35 orang, tidak seorang pun yang sentiasa membaca akhbar, cuma 2 orang atau 5.7% kadang-kadang membaca akhbar dan 33 orang atau 94.2% tidak pernah membaca. Seramai 14 orang yang berumur 31-50 tahun, cuma 1 orang atau 7.1% sentiasa membaca akhbar, 2 orang atau 14.2% kadang-kadang membaca dan 11 orang atau 78.5% tidak pernah membaca akhbar. Seorang yang berumur 51-70 tahun dan ia tidak pernah membaca akhbar.

Berdasarkan pemerhatian ini, kaum wanita berdasarkan usia yang sentiasa membaca akhbar cuma 1 orang atau 1.6% sentiasa membaca, kadang-kadang membaca seramai 4 orang atau 6.4% dan jumlah yang ramai tidak membaca seramai 57 orang atau 91.9%. Ini bermakna bilangan yang tidak membaca adalah majoriti.

4.1.3.2 ANALISIS PENERIMAAN AKHBAR BERDASARKAN TAHAP PENDIDIKAN

Jadual 4.2a: Frekuensi membaca akhbar bagi kaum lelaki berdasarkan tahap pendidikan

Pendidikan	Responden	Sentiasa membaca	Kadang-kadang	Tidak pernah
Tidak bersekolah	13	-	-	13 (100%)
Pendidikan rendah	48	-	1 (2.0%)	47 (97.9%)
Pend menengah	10	1 (10%)	2 (20%)	7 (70%)
JUMLAH	71	1 (1.4%)	3 (4.2%)	67 (94.3%)

Pada Jadual 4.2a di atas, mereka yang tidak bersekolah seramai 13 orang dan kesemuanya tidak pernah membaca akhbar. Mereka yang berpendidikan rendah seramai 48 orang, cuma 1 orang atau 2.0% yang membaca itupun kadang-kadang membaca dan mereka yang tidak membaca seramai 47 orang atau 97.9%.

Mereka yang berpendidikan menengah seramai 10 orang, cuma 1 orang atau 10% sentiasa membaca akhbar, 2 orang atau 20% kadang-kadang membaca dan 7 orang atau 70% tidak pernah membaca.

Berdasarkan pada Jadual di atas, hanya 4 orang atau 5.6% membaca akhbar di kalangan lelaki berpendidikan dan majoriti tidak pernah membaca ialah 67 orang atau 94.3%.

Jadual 4.2b: Frekuensi membaca akhbar bagi kaum wanita berdasarkan tahap pendidikan

Jantina	Responden	Sentiasa membaca	Kadang-kadang	Tidak pernah
Tidak bersekolah	14	-	-	14 (100%)
Pendidikan rendah	37	-	2 (5.4%)	35 (94.5%)
Pend menengah	11	1 (9.0%)	2 (18.1%)	8 (72.7%)
JUMLAH	62	1 (1.6%)	4 (6.4%)	57 (91.9%)

Pada Jadual 4.2b di atas, merupakan kaum wanita berpendidikan yang membaca akhbar. Daripada 14 orang yang tidak bersekolah, tidak seorang pun yang membaca akhbar. Bagi yang berpendidikan rendah seramai 37 orang, cuma 2 orang atau 5.4% yang kadang-kadang membaca akhbar dan 35 orang atau 94.5% tidak pernah membaca akhbar. Mereka yang berpendidikan menengah seramai 11 orang, cuma 1 orang atau 9.0% sentiasa membaca, 2 orang atau 18.1% kadang-kadang membaca dan 8 orang atau 72.7% tidak pernah membaca.

Daripada Jadual di atas didapati penglibatan wanita yang berpendidikan membaca akhbar begitu rendah iaitu cuma 1 orang atau 1.6% sentiasa membaca akhbar, kadang-kadang membaca seramai 4 orang atau 6.4% dan 57 orang atau 91.9% tidak pernah membaca akhbar.

4.1.3.2 ANALISIS PENERIMAAN AKHBAR BERDASARKAN PEKERJAAN

Jadual 4.3a: Frekuensi membaca akhbar bagi kaum lelaki berdasarkan pekerjaan

Pekerjaan	Responden	Sentiasa membaca	Kadang-kadang	Tidak pernah
Estet	16	-	-	16 (100%)
Kerja kampung	30	-	-	30 (100%)
Berniaga	3	-	1 (33.3%)	2 (66.6%)
Bersekolah	22	1 (4.5%)	2 (9.0%)	19 (86.3%)
JUMLAH	71	1 (1.4%)	3 (4.2%)	67 (94.3%)

Jadual 4.3a memperlihatkan kaum lelaki bekerja yang membaca akhbar. Mereka yang bekerja estet seramai 16 orang. Daripada jumlah itu, tidak seorang pun yang pernah membaca akhbar sama ada sentiasa membaca atau kadang-kadang membaca. Mereka yang bekerja kampung seramai 30 orang, tidak seorang pun yang pernah membaca akhbar. Seramai 3 orang yang berniaga, 1 orang atau 33.3% kadang-kadang membaca akhbar dan 2 orang atau 66.6% tidak pernah membaca.

Seramai 22 orang yang masih bersekolah, cuma 1 orang atau 4.5% sentiasa membaca, 2 orang atau 9.0% kadang-kadang membaca dan 19 orang atau 86.3% tidak pernah membaca akhbar.

Dari segi pembacaan di kalangan lelaki yang bekerja ini, cuma 1 orang atau 1.4% yang sentiasa membaca, 3 orang atau 4.2% kadang-kadang membaca. Ini bermakna yang membaca cuma 4 orang atau 5.6% dan bilangan teramai tidak pernah membaca ialah 67 orang atau 94.3%. Ini bermakna majoriti tidak pernah membaca akhbar.

Jadual 4.3b: Frekuensi membaca akhbar bagi kaum wanita berdasarkan pekerjaan

Pekerjaan	Responden	Sentiasa membaca	Kadang-kadang	Tidak pernah
Estet	24	-	1 (4.1%)	23 (95.8%)
Kerja kampung	3	-	-	3 (100%)
Guru tadika	2	1 (50%)	1 (50%)	-
Suri rumah	20	-	-	20 (100%)
Bersekolah	13	-	2 (15.3%)	11 (84.6%)
JUMLAH	62	1 (1.6%)	4 (6.4%)	57 (91.9%)

Pada Jadual 4.3b memperlihatkan frekuensi membaca akhbar bagi kaum wanita yang bekerja. Mereka yang bekerja di estet seramai 24 orang, cuma 1 orang atau 4.1% membaca, itupun kadang-kadang membaca dan 23 orang atau 95.8% tidak pernah.

Seramai 3 orang yang berkerja kampung tidak seorang pun yang pernah membaca akhbar. Seramai 2 orang sebagai Guru Tadika, 1 orang atau 50% sentiasa membaca akhbar dan 1 orang kadang-kadang membaca. Seramai 20 orang suri rumah tangga, tidak seorang pun yang pernah membaca akhbar. Begitu juga mereka yang masih bersekolah seramai 13 orang, tidak seorang pun yang pernah membaca akhbar.

Dengan itu wanita yang bekerja ini cuma 1 orang atau 1.6% sahaja sentiasa membaca dan 4 orang atau 6.4% kadang-kadang membaca. Ini bermakna bilangan wanita yang bekerja yang membaca akhbar cuma seramai 5 orang atau 8.0% dan mereka yang tidak pernah membaca adalah majoriti iaitu 57 orang atau 91.9%

4.1.4 KEKERAPAN MEMBACA AKHBAR

Jadual 4.4: Kekerapan membaca akhbar

Jantina	Responden	Membaca	Peratus
Lelaki	71	4	5.6%
Perempuan	62	5	8.0%
JUMLAH	133	9	6.7%

Jadual 4.4 di atas memperlihatkan kekerapan responden yang dikaji membaca akhbar. Bagi kaum lelaki, seramai 4 orang atau 5.6% membaca akhbar. Sementara kaum wanita, seramai 5 orang atau 8.0% yang membaca akhbar. Secara keseluruhannya bilangan mereka yang membaca cuma 9 orang sahaja dan yang tidak pernah membaca seramai 124 orang.

Ini bermakna peratusan yang membaca akhbar begitu rendah sekali (6.7%) dan peratusan yang tidak membaca adalah majoriti iaitu 93.2%.

4.1.5 TEMPAT MEMBACA AKHBAR

Jadual 4.5: Tempat membaca akhbar

Jantina	Responden	Rumah sendiri	Rumah jiran	Kedai
Lelaki	71	1 (1.4%)	2 (2.8%)	3 (4.2%)
Wanita	62	1 (1.6%)	3 (4.8%)	1 (1.6%)
JUMLAH	133	2 (1.5%)	5 (3.7%)	4 (3.0%)

Jadual 4.5 di atas menunjukkan tempat yang biasanya mereka membaca akhbar. Bagi kaum lelaki, tempat yang selesa mereka membaca akhbar ialah di kedai (4.2%) yang melibatkan 3 orang, berbanding di rumah jiran (2.8%) yang melibatkan 1 orang dan di rumah sendiri (1.4%) melibatkan 1 orang.

Bagi kaum wanita pula, tempat yang biasa mereka membaca akhbar ialah di rumah jiran (4.8%) yang melibatkan 3 orang pembaca, berbanding di kedai (1.6%) yang melibatkan 1 orang pembaca dan di rumah sendiri (1.6%) melibatkan 1 orang pembaca.

Secara keseluruhannya berdasar Jadual di atas, tempat yang dianggap paling selesa membaca ialah di rumah jiran (3.7%), berbanding di kedai (3.0%) dan di rumah sendiri (1.5%). Ini kerana di rumah jiran mereka boleh bertukar-tukar pandangan semasa membaca akhbar, boleh berbual-bual dan bertukar-tukar pandangan bersama jiran tetangga.

4.2 MAJALAH

4.2.1 LATAR BELAKANG MAJALAH

Di Malaysia, majalah yang ulung pada tahun 1815 berbahasa Cina bertajuk *Chinese Monthly Maganize* diterbitkan di Melaka. Majalah kedua diterbitkan pada tahun 1821 bernama Bustan Ariffin. Majalah ini dicetak di Melaka oleh The Anglo Chinese Press dan disunting oleh C.H. Thomson dengan kerjasama Abdullah Munshi bin Abdul Kadir. Majalah ini memuatkan rencana berkaitan agama kristian, menyentuh bahasa Melayu, sains tumbuh-tumbuhan dan berkaitan astronomi. Majalah ini berukuran 20 cm x 12 cm setebal 30 halaman. Majalah ini diedarkan di Negeri-negeri Selat (Sofiah Haji Abu Bakar, 1975).

Pada tahun 1822, muncul majalah *The Universal Gazette*. Perkembangan majalah di Selangor bermula dengan terbitnya *Selangor Journal* pada tahun 1901 yang memuatkan berita-berita umum, cerita sejarah dan cerita pendik. Pada tahun 1906, terbit Majalah Al-Imam yang mengutamakan isu-isu masyarakat Melayu supaya bergiat cergas dalam bidang perkebunan, perniagaan dan pelajaran. Al-Imam juga menyiaran berita-berita dari Timur Tengah dan Jepun. Di Pulau Pinang, terdapat dua majalah yang diterbitkan oleh Sayyid Shaikh Al-Hadi iaitu Al-Ikhwan dan Saudara (Sofiah Haji Abu Bakar, 1975).

Pada zaman pemerintahan Jepun, majalah digunakan sebagai dakyah dan senjata tentera Jepun untuk menentang pasukan Berikat iaitu majalah Matahari Memancar diketuai oleh Norani Janain yang diterbitkan oleh Harun Aziz di Muar. Muncul majalah Semangat Asia oleh Malai Shinbun Sha di Singapura. Majalah Fajar Asia diterbitkan oleh *Sensei Malai Kenstsu Sha* (Pejabat Pembangunan Melayu Baru) juga di Singapura.

Pada tahun 1942, terbit Majalah Cermin Hidup di Muar. Muncul Majalah Sinaran Matahari di Melaka menggunakan tulisan Jawi. Majalah ini memuatkan cerpen-cerpen berunsur semangat kebangsaan terutama untuk berjuang. Utusan Melayu Press menerbitkan majalah bulanan Mastika pada tahun 1941 dalam tulisan jawi. Setelah beberapa keluaran, majalah ini terpaksa diberhentikan kerana meletusnya Perang Dunia Kedua sehingga disambung semula pada tahun 1946 setelah Inggeris menduduki semula Tanah Melayu.

Selepas Perang Dunia Kedua, Singapura merupakan pusat kegiatan penerbitan majalah seperti Mastika, Qalam, Bintang, Kencana, Juita, Mutiara, Sinaran, Belia, Hiburan Kanak-kanak, Asmara, Hiburan Filem dan *Fashion*. Mastika yang diterbitkan semula pada tahun 1946, bersifat sedikit akademik mengandungi rencana-rencana ilmiah dan pendidikan. Utusan Melayu Press kemudiannya menerbitkan majalah Utusan Filem dan Sport (Dewi Sri Taib, 1997).

Terdapat banyak majalah yang diterbitkan mulai tahun 1960an hingga kini meliputi pelbagai kategori seperti hiburan, wanita, agama, belia, akademik, sukan, perniagaan,

usahawan dan sebagainya. Majalah Wanita yang diterbitkan pada tahun 1969 sehingga kini masih bertahan dan mempunyai pembaca seramai 679,000. Majalah lain mengenai wanita ialah Jelita, Nona dan Perempuan. Majalah-majalah yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) seperti Majalah Dewan Bahasa khusus untuk bacaan guru-guru, siswa-siswi, serta peminat sastera dan bahasa; Majalah Dewan Masyarakat berbentuk pengetahuan dan akademik untuk semua golongan; Dewan Pelajar khusus untuk murid-murid yang berumur antara 11 hingga 16 tahun dan Majalah Dewan Sastera dikhkususkan dalam bidang sastera dan bahasa.

Kemudian muncul Majalah Pemikir berbentuk pemikiran kritis di kalangan masyarakat juga diterbitkan oleh DBP. Majalah-majalah lain yang berbentuk kritis seperti Dian, Pemimpin dan Nusantara. Dalam era tahun 1980an dan 1990an, muncul majalah seperti Rias, Saji, Seri, Keluarga, Anis dan Ibu. Majalah-majalah ini khas untuk keluarga dan wanita.

Bagi golongan remaja, diterbitkan Majalah Remaja untuk remaja lelaki dan wanita yang berusia antara 17 hingga 24 tahun. Majalah ini mengandungi rencana yang berkaitan alam remaja, panduan hidup dan soal-jawap. Majalah berbentuk akademik diterbitkan seperti Teman Pelajar dan Minda Pelajar.

Majalah lain yang berada dalam pasaran seperti Massa (mengupas politik dan hal ehwal semasa), majalah sukan (Dunia Sukan), majalah agama (Al-Islam dan Tamadun), majalah kanak-kanak (Kawan, Bintang Kecil, Komik Alam Ria Disney dan Kuntum).

Majalah hiasan rumah dan pejabat (Anjung Seri), majalah sains (Dewan Kosmik), majalah ekonomi (Dewan Ekonomi), majalah hobi (Roda-Roda, Pancing, Kereta dan Motokar) dan majalah jenaka (Gelihati, Gila-Gila, Ujang dan Lanun), majalah hiburan (Variapop, Gema RTM, Utusan Radio & TV, Utusan Filem, Fesyen, Manja, Romantika, Album 72, Pria , Media Hiburan, Hai, Yes, Cermin, Bintang-Bintang, Ekstra, Kancil dan Mangga). Majalah hiburan Mangga yang diterbitkan secara bulanan sejak 1995 mampu menarik minat pembaca dari golongan remaja dan dewasa dengan kandungannya berupa hiburan seperti kisah hidup artis, gosip, profil artis, kartun, dan komik.

Majalah-majalah hiburan begitu ramai pembacanya, contohnya jualan Majalah Mangga mencelah angka 230,000 naskah setiap keluaran, URTV (153,000) dan Media Hiburan (30,000) (Junaidah Mohamed, 1999). Sehingga kini, di Malaysia, terdapat 150 jenis majalah (Ganesan Subramaniam, 1994).

4.2.2 ANALISIS PEMBACAAN MAJALAH

Jadual 4.6: Frekuensi pembacaan majalah kaum lelaki dan wanita

JANTINA	Sentiasa	Kadang-kadang	Tidak pernah	JUMLAH
Lelaki	0 (0%)	3 (4.2%)	68 (95.7%)	71 (100%)
Wanita	0 (0%)	4 (6.4%)	58 (93.5%)	62 (100%)
JUMLAH	0 (0%)	7 (5.2%)	126 (94.7%)	133 (100%)

Pada Jadual 4.6 di atas daripada 133 responden yang dikaji, tidak seorang pun (0%) yang sentiasa membaca majalah. Hanya segelintir sahaja yang kadang-kadang membaca majalah, iaitu cuma seramai 7 orang atau 5.2%. Daripada segelintir ini, kaum wanita mengatasi kaum lelaki (1 orang).

Berdasarkan Jadual di atas, didapati bilangan yang tidak membaca majalah adalah tinggi iaitu seramai 126 orang atau 94.7%.

4.2.2.1 ANALISIS PEMBACAAN MAJALAH BERDASARKAN JANTINA DAN USIA

Jadual 4.7a: Frekuensi membaca majalah bagi kaum lelaki berdasarkan usia

Umur	Responden	Sentiasa membaca	Kadang-kadang	Tidak pernah
12 tahun ke bawah	17	-	1 (8.3%)	16 (94.1%)
13-30 tahun	30	-	1 (3.3%)	29 (96.6%)
31-50 tahun	19	-	1 (5.2%)	18 (94.7%)
51-70 tahun	4	-	-	4 (100%)
71 tahun ke atas	1	-	-	1 (100%)
JUMLAH	71	-	3 (4.2%)	68 (95.7%)

Daripada Jadual 4.7a di atas, kaum lelaki berumur 12 tahun ke bawah yang berjumlah 17 orang, tidak seorang pun yang sentiasa membaca majalah, cuma 1 orang atau 8.3% kadang-kadang membaca majalah dan 16 orang atau 94.1% tidak pernah membaca. Mereka berumur 13-30 tahun yang berjumlah 30 orang, tidak seorang pun yang sentiasa membaca majalah, cuma 1 orang atau 3.3% kadang-kadang membaca dan 29 orang atau 96.6% tidak pernah membaca.

Seramai 19 orang yang berumur 31-50 tahun, tidak seorang pun yang sentiasa membaca majalah, cuma 1 orang atau 5.2% kadang-kadang membaca dan 18 orang atau 94.7% tidak pernah membaca. Daripada 4 orang berumur 51-70 tahun, tidak seorang pun yang

pernah membaca majalah. Begitu juga 1 orang yang berumur 71 tahun ke atas juga tidak pernah membaca.

Dengan ini, dapatlah kita perhatikan bahawa kaum lelaki yang membaca majalah hanya 3 orang atau 4.2% sahaja, itupun kadang-kadang membaca. Bilangan tidak membaca adalah majoriti iaitu 68 orang atau 95.7%.

Jadual 4.7b: Frekuensi membaca majalah bagi kaum wanita berdasarkan usia

Umur	Responden	Sentiasa	Kadang-kadang	Tidak pernah
12 tahun ke bawah	12	-	1 (8.3%)	11 (91.6%)
13-30 tahun	35	-	2 (5.7%)	33 (94.2%)
31-50 tahun	14	-	1 (7.1%)	13 (92.8%)
51-70 tahun	1	-	-	1 (100%)
71 tahun ke atas	-	-	-	-
JUMLAH	62	-	4 (5.6%)	58 (93.5%)

Pada Jadual 4.7b di atas, kanak-kanak perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah yang berjumlah 12 orang, tidak seorang pun yang sentiasa membaca majalah, cuma 1 orang atau 8.3% kadang-kadang membaca dan bakinya 11 orang atau 91.6% tidak pernah membaca. Seramai 35 orang yang berumur 13-30 tahun, tidak seorang pun yang sentiasa membaca majalah, cuma 2 orang atau 5.7% kadang-kadang membaca dan selebihnya 33 orang atau

94.2% tidak pernah membaca. Seramai 14 orang yang berumur 31-50 tahun, tidak seorang pun yang sentiasa membaca majalah, cuma 1 orang atau 7.1% kadang-kadang membaca dan 13 orang atau 92.8% tidak pernah membaca. Satu orang dalam lingkungan 51-70 tahun juga tidak pernah membaca.

Dapatan daripada Jadual di atas, hanya 4 orang atau 5.6% yang membaca. Bilangan yang tidak membaca adalah ramai iaitu 58 orang atau 93.5%.

4.2.2.2 ANALISIS PEMBACAAN MAJALAH BERDASARKAN TAHAP PENDIDIKAN

Jadual 4.8a: Frekuensi membaca majalah bagi kaum lelaki berdasarkan tahap pendidikan

Pendidikan	Responden	Sentiasa membaca	Kadang-kadang	Tidak pernah
Tidak bersekolah	13	-	-	13 (100%)
Pendidikan rendah	48	-	1 (2.0%)	47 (97.9%)
Pend menengah	10	-	2 (20%)	8 (80%)
JUMLAH	71	-	3 (4.2%)	68 (95.7%)

Pembaca lelaki yang membaca majalah begitu rendah. Ini ternyata melalui Jadual 4.8a di atas. Daripada 13 orang yang tidak bersekolah, tidak seorang pun yang membaca majalah sama ada sentiasa membaca atau kadang-kadang membaca. Daripada 48 orang yang berpendidikan rendah, cuma 1 orang atau 2.0% kadang-kadang membaca dan 47 orang atau 97.9% tidak pernah membaca. Seramai 10 orang yang berpendidikan menengah, atau 95.7% tidak pernah membaca.

cuma 2 orang atau 20% kadang-kadang membaca dan 8 orang atau 80% tidak pernah membaca majalah.

Dengan itu, dapatlah kita perhatikan daripada Jadual di atas cuma 3 orang atau 4.2% yang kadang-kadang membaca. Bilangan yang tinggi adalah tidak pernah membaca seramai 68 orang atau 95.7%.

Jadual 4.8b: Frekuensi membaca majalah bagi kaum wanita berdasarkan tahap pendidikan

Pendidikan	Responden	Sentiasa membaca	Kadang-kadang	Tidak pernah
Tidak bersekolah	14	-	-	14 (100%)
Pendidikan rendah	37	-	2 (5.4%)	35 (56.4%)
Pend menengah	11	-	2 (18.1%)	9 (81.8%)
JUMLAH	62	-	4 (6.4%)	58 (93.5%)

Pada Jadual 4.8b menunjukkan kaum wanita yang tidak bersekolah seramai 14 orang. Daripada jumlah itu, tidak seorang pun yang membaca majalah sama ada sentiasa membaca ataupun yang kadang-kadang membaca. Bagi mereka yang berpendidikan rendah seramai 37 orang, tidak seorang pun yang sentiasa membaca, cuma 2 orang atau 5.4% kadang-kadang membaca dan 35 orang atau 56.4% tidak pernah membaca. Seramai 11 orang yang berpendidikan menengah, cuma 2 orang atau 18.1% kadang-kadang membaca dan 9 orang atau 81.8% tidak pernah membaca.

Daripada di Jadual di atas, didapati bahawa kaum wanita berpendidikan ini cuma 4 orang atau 6.4% sahaja yang kadang-kadang membaca. Bilangan yang tidak membaca adalah majoriti iaitu seramai 58 orang atau 93.5%. Ini bermakna kaum wanita yang berpendidikan komuniti Orang Asli ini masih tidak meminati membaca majalah.

4.2.2.3 ANALISIS PEMBACAAN MAJALAH BERDASARKAN PEKERJAAN

Jadual 4.9a: Frekuensi membaca majalah bagi kaum lelaki berdasarkan pekerjaan

Pekerjaan	Responden	Sentiasa membaca	Kadang-kadang	Tidak pernah
Estet	16	-	1 (6.2%)	15 (93.7%)
Kerja kampung	30	-	-	30 (100%)
Berniaga	3	-	1 (33.3%)	2 (66.6%)
Bersekolah	22	-	1 (4.5%)	21 (95.4%)
JUMLAH	71	-	3 (4.2%)	68 (95.7%)

Pada Jadual 4.9a di atas, kaum lelaki yang bekerja estet seramai 16 orang. Daripada jumlah itu, tidak seorang pun yang sentiasa membaca majalah, cuma 1 orang atau 6.2% kadang-kadang membaca dan 15 orang atau 93.7% tidak pernah membaca. Seramai 30 orang yang bekerja kampung, kesemuanya 30 orang atau 100% tidak pernah membaca majalah. Seramai 3 orang yang berniaga, 1 orang atau 33.3% kadang-kadang membaca dan 2 orang atau 66.6% tidak pernah membaca majalah. Mereka yang masih bersekolah seramai 22 orang, cuma 1 orang atau 4.5% kadang-kadang membaca dan 21 orang atau 95.4% tidak pernah membaca.

Berdasarkan perangkaan di atas, dapatlah kita perolehi bahawa mereka yang membaca majalah cuma 3 orang atau 4.2% dan 68 orang atau 95.7% tidak pernah membaca. Ini menggambarkan bahawa minat mereka membaca majalah begitu rendah sekali.

Jadual 4.9b: Frekuensi membaca majalah bagi kaum wanita berdasarkan pekerjaan

Pekerjaan	Responden	Sentiasa membaca	Kadang-kadang	Tidak pernah
Estet	24	-	1 (4.1%)	23 (95.8%)
Kerja kampung	3	-	-	3 (100%)
Guru tadika	2	-	2 (100%)	-
Suri rumah	20	-	-	20 (100%)
Bersekolah	13	-	1 (7.6%)	12 (92.3%)
JUMLAH	62	-	4 (6.4%)	58 (93.5%)

Pada Jadual 4.9b menggambarkan frekuensi membaca majalah bagi kaum wanita yang bekerja. Daripada 24 orang yang bekerja estet, tidak seorang pun yang sentiasa membaca majalah, cuma 1 orang atau 4.1% yang membaca, itu pun kadang-kadang membaca dan 23 orang atau 95.8% tidak pernah membaca. Seramai 3 orang yang bekerja kampung, tidak seorang pun yang pernah membaca majalah. Seramai 2 orang bekerja sebagai Guru Tadika, kedua-duanya kadang-kadang membaca majalah. Suri rumah tangga yang berjumlah 20 orang, tiada seorang pun yang pernah membaca majalah. Seramai 13 orang yang masih bersekolah, cuma 1 orang atau 7.6% kadang-kadang membaca dan 12 orang atau 92.3% tidak pernah membaca majalah.

Daripada dapatan di Jadual di atas, cuma 4 orang atau 6.4% membaca majalah dan 58 orang atau 93.5% tidak pernah membaca majalah.

4.2.3 ANALISIS AMALAN PEMBELIAN MAJALAH

Bagi memperjelaskan kesungguhan responden membeli dan membaca majalah, dapat diperlihatkan seperti Jadual-jadual berikut:

i. Membeli majalah

Jadual 4.10: Bilangan membeli majalah

Responden	Membeli majalah	Tidak membeli
Lelaki : 71	3 (4.2%)	68 (99.8%)
Wanita: 62	4 (6.4%)	58 (93.5%)
JUMLAH: 133	7 (5.2%)	126 (94.7%)

Daripada Jadual 4.10 di atas, kaum lelaki yang membeli majalah hanya 3 orang atau 4.2%. Ini bermakna bilangan ini amat sedikit berbanding bilangan yang tidak membeli seramai 68 orang atau 99.8%. Bagi kaum wanita seramai 4 orang atau 6.4% yang membeli majalah. Bilangan yang tidak membeli ialah seramai 58 orang atau 93.5%.

Dari segi kesungguhan membeli majalah di kalangan mereka amat rendah sekali cuma 7 orang atau 5.2% berbanding 126 orang atau 94.7% yang tidak pernah membeli majalah.

ii. Jenis majalah yang dibaca

Berdasarkan Jadual 4.10 di atas, pengkaji juga bertanyakan jenis majalah yang dibeli dan dibaca. Jawapan adalah seperti berikut:

Jadual 4.11: Majalah di baca

Jenis majalah	Lelaki	Wanita
Mangga	2 (66.6%)	2 (50%)
URTV	1 (33.3%)	2 (50%)
JUMLAH	3	4

Dari segi jenis majalah yang dibaca, seperti di Jadual 4.11 di atas, seramai 3 orang kaum lelaki membaca majalah. Daripada 3 orang itu, seramai 2 orang atau 66.6% membaca Majalah Mangga dan 1 orang atau 33.3% membaca Majalah URTV.

Kaum wanita pula yang membaca seramai 4 orang. Seramai 2 orang atau 50% membaca Majalah Mangga dan bakinya 2 orang atau 50% membaca Majalah URTV.

Daripada Jadual 4.11 di atas, didapati bahawa pembaca yang membaca Majalah Mangga ialah 4 orang atau 57.1% dan yang membaca Majalah URTV seramai 3 orang atau 42.8%. Kedua-dua majalah ini ialah dari jenis majalah hiburan.

iii.Tempat membaca majalah

Tempat membaca di kalangan responden juga ditanya; iaitu di manakah biasanya mereka membaca majalah. Daripada Jadual 4.12, jawapannya:

Jadual 4.12: Tempat membaca majalah

Jantina	Responden	Rumah sendiri	Rumah jiran	Kedai
Lelaki	71	1 (33.3%)	1 (33.3%)	1 (33.3%)
Wanita	62	1 (25%)	2 (50%)	1 (25%)
JUMLAH	133	2 (1.5%)	3 (2.2%)	2 (1.5%)

Berdasarkan Jadual 4.12 di atas, tempat yang biasanya kaum lelaki membaca (seramai 3 orang) iaitu 1 orang atau 33.3% membaca di rumah sendiri, 1 orang atau 33.3% membaca di rumah jiran dan 1 orang atau 33.3% membaca di kedai.

Sementara pembaca wanita yang terlibat seramai 4 orang, didapati 1 orang membaca di rumah sendiri (25%) , 2 orang di rumah jiran (50%) dan 1 orang di kedai (25%).

Berdasarkan Jadual di atas, tempat yang selesa dan digemari untuk membaca majalah bagi kedua-dua kaum lelaki dan wanita ialah di rumah jiran (2.2%), berbanding di rumah sendiri (1.5%) dan di kedai (1.5%).

Ini kerana membaca di rumah jiran, ramai yang boleh mendengarnya, di samping mereka boleh berbual-bual dan berbincang sesama mereka terutama mengenai hiburan dan artis-artis kesayangan mereka.

4.3 BUKU

4.3.1 LATAR BELAKANG BUKU

Buku ialah lembaran-lembaran kertas bercetak yang digabungkan menjadi satu kesatuan bentuk melalui jilidan, mempunyai kulit luar yang biasanya lebih tebal daripada kertas dalam teks dan diedarkan kepada massa. Mengikut UNESCO, “sesebuah buku itu dapat menepati konsep buku yang sebenar jika ia mempunyai lebih 49 halaman bercetak. Penerbitan buku ialah suatu usaha yang merangkumi proses pembinaan manuskrip, sehingga manuskrip itu dicetak dan dipasarkan kepada massa” (UNESCO, *An International Survey Of Book Production During the Last Decades*, Paris: UNESCO, 1882).

Dari segi fungsi, buku ialah alat menyebarkan ilmu pengetahuan dan maklumat. Berbanding dengan alat media yang lain, buku ialah media cetak yang paling tua. Bentuk yang paling awal diperkenalkan oleh orang Mesir Purba yang menggunakan papirus sebelum diperbaiki oleh orang China yang mula mencipta kertas pada 105 Sebelum Masihi. Orang yang bertanggungjawab menciptanya ialah Ts'ai Lun. Hanya selepas 1450, Johann Guttenburg mencipta mesin taip bergerak untuk mencipta kitab Bible, barulah buku dapat diterbitkan dengan lebih banyak dan dalam masa yang cepat.

Peranan buku amat penting. Sarjana Cole (1987), dan Oakeshott dan Bradley (1982) menjelaskan bahawa buku terus digunakan biarpun kegunaan media elektronik digunakan. Deklarasi London dengan jelas menyatakan:

“ Kami percaya, bahawa buku akan terus mengekalkan fungsinya sebagai alat untuk menyampaikan pengetahuan, pendidikan, dan nilai-nilai budaya dalam masyarakat. Buku memainkan peranan terhadap pembangunan negara di samping memperkayakan pengalaman hidup seseorang. Buku juga dapat membentuk persefahaman antara manusia di samping mengukuhkan keinginan di kalangan mereka untuk menikmati kedamaian ” (Paris: UNESCO World Congress on Books, 1982).

Buku merupakan satu daripada media yang berkesan, terutamanya untuk menyalurkan sesuatu ilmu atau fikiran kepada orang lain dengan kadar masa yang lama. Menurut Escarpit (1966), buku ialah alat yang paling berkesan dan paling cekap untuk memindahkan ilmu pengetahuan. Pengetahuan yang terkandung di dalam buku lebih banyak, tahan lama, dan kekal daripada yang diperolehi daripada media massa lain.

Buku dapat menyumbangkan kemajuan sosial, pembangunan ekonomi, dan kestabilan politik sesebuah negara. Tidak ada masyarakat dapat hidup dengan sempurna tanpa buku dan tidak ada sebarang pembangunan sosial yang mampu dicapai tanpa peranan buku. Oleh yang demikian dalam persidangan mengenai buku Asia di Tokyo pada tahun 1966,

mengambil ketetapan bahawa buku harus dirancang dengan teliti dan harus diintegrasikan sepenuhnya dalam semua usaha pembangunan sesebuah negara.

Sesebuah buku tidak akan membawa sebarang makna jika tidak sampai kepada pembaca sebagai kumpulan sasarnya. Usaha penerbit dalam pemasaran dan pengedaran buku amat penting terhadap kejayaan sesebuah buku itu.

4.3.2 ANALISIS PEMBACAAN BUKU

Jadual 4.13: Frekuensi pembacaan buku kaum lelaki dan wanita

JANTINA	Sentiasa	Kadang-kadang	Tidak pernah	JUMLAH
Lelaki	0 (0%)	2 (2.8%)	69 (97.1%)	71 (100%)
Wanita	0 (0%)	2 (3.2%)	60 (96.7%)	62 (100%)
JUMLAH	0 (0%)	4 (3.0%)	129 (96.9%)	133 (100%)

Pada Jadual 4.13 di atas, memperlihatkan frekuensi pembacaan buku kaum lelaki dan wanita komuniti Orang Asli yang dikaji. Di kalangan kaum lelaki komuniti ini tidak seorang pun yang sentiasa membaca buku, cuma terdapat 2 orang atau 2.8% yang kadang-kadang membaca buku dan bilangan yang tidak pernah membaca buku adalah seramai 69 orang atau 97.1%.

Bagi kaum wanita, tidak seorang pun yang sentiasa membaca buku cuma 2 orang atau 3.2% kadang-kadang membaca buku dan seramai 60 orang atau 96.7% tidak pernah membaca buku.

Berdasarkan Jadual di atas, bilangan yang membaca buku, cuma 4 orang atau 3.0%. Ini bermakna kegemaran kaum lelaki dan wanita komuniti Orang Asli membaca buku memang terlalu rendah.

4.3.2.1 ANALISIS PEMBACAAN BUKU BERDASARKAN JANTINA DAN USIA

Bertitiktolak kepada kepentingan pembacaan itu, kajian yang menyeluruh terhadap komuniti Orang Asli berdasarkan jantina dan usia seperti di Jadual-jadual di bawah

Jadual 4.14a: Frekuensi membaca buku bagi kaum lelaki berdasarkan usia

Umur	Responden	Sentiasa membaca	Kadang-kadang	Tidak pernah
12 tahun ke bawah	17	-	1 (5.8%)	16 (94.1%)
13-30 tahun	30	-	1 (3.3%)	29 (96.6%)
31-50 tahun	19	-	-	19 (100%)
51-70 tahun	4	-	-	4 (100%)
71 tahun ke atas	1	-	-	1 (100%)
JUMLAH	71	-	2 (2.8%)	69 (97.1%)

Pada Jadual 4.14a di atas, kaum lelaki yang berumur 12 tahun ke bawah seramai 17 orang. Daripada jumlah itu, tidak seorang pun yang sentiasa membaca buku, cuma 1 orang atau 5.8% yang kadang-kadang membaca buku dan selebihnya 16 orang atau 94.1% tidak pernah membaca buku. Mereka yang berumur 13-30 tahun berjumlah 30 orang, tidak seorang pun yang sentiasa membaca buku, cuma 1 orang atau 3.3% kadang-kadang membaca buku dan 29 orang atau 96.6% tidak pernah membaca. Seramai 19 orang yang berumur 31-50 tahun, tidak seorang pun yang pernah membaca buku. Begitu juga 4 orang yang berumur 51-70 tahun, tidak seorang pun yang pernah membaca buku.

Seorang yang berumur 71 tahun dan ia tidak pernah membaca buku.

Daripada data-data di Jadual di atas, dapatlah kita menilai bahawa hanya 2 orang atau 2.8% sahaja yang membaca buku dan majoriti tidak pernah membaca buku seramai 69 orang atau 97.1%.

Jadual 4.14b: Frekuensi membaca buku kaum wanita berdasarkan usia

Umur	Responden	Sentiasa membaca	Kadang-kadang	Tidak pernah
12 tahun ke bawah	12	-	1 (8.3%)	11 (91.6%)
13-30 tahun	35	-	1 (2.8%)	34 (97.1%)
31-50 tahun	14	-	-	14 (100%)
51-70 tahun	1	-	-	1 (100%)
71 tahun ke atas	-	-	-	-
JUMLAH	62	-	2 (3.2%)	60 (96.7%)

Jadual 4.14b di atas menggambarkan kegemaran kaum wanita yang berumur 12 tahun hingga 70 tahun membaca buku. Daripada seramai 12 orang yang berumur 12 tahun ke bawah, tidak seorang pun yang sentiasa membaca buku, cuma 1 orang atau 8.3% yang kadang-kadang membaca buku dan 11 orang atau 91.6% tidak pernah membaca. Mereka yang berumur 13-30 tahun seramai 35 orang, tidak seorang pun yang sentiasa membaca buku, cuma 1 orang atau 2.8% kadang-kadang membaca dan 34 orang atau 97.1% tidak pernah membaca. Mereka yang berumur 31-50 tahun seramai 14 orang, tidak seorang pun yang membaca buku. Seorang yang berumur antara 51-70 tahun dan ia tidak pernah membaca buku.

Gambaran daripada data di Jadual di atas, memperlihatkan bahawa kaum wanita yang dikaji berdasarkan usia yang berjumlah 62 orang cuma 2 orang atau 3.2% membaca buku dan majotiti, iaitu seramai 60 orang atau 96.7% tidak pernah membaca buku.

4.3.2.2 ANALISIS PEMBACAAN BUKU BERDASARKAN TAHAP PENDIDIKAN

Jadual 4.15a: Frekuensi membaca buku bagi kaum lelaki berdasarkan tahap pendidikan

Pendidikan	Responden	Sentiasa membaca	Kadang-kadang	Tidak pernah
Tidak bersekolah	13	-	-	13 (100%)
Pendidikan rendah	48	-	1 (2.0%)	47 (97.9%)
Pend menengah	10	-	1 (10%)	9 (90%)
JUMLAH	71	-	2 (2.8%)	69 (97.1%)

Jadual 4.15a memperjelaskan frekuensi membaca buku bagi kaum lelaki berdasarkan tahap pendidikan. Mereka yang tidak bersekolah seramai 13 orang. Daripada jumlah itu, tidak seorang pun yang pernah membaca buku sama ada sentiasa membaca atau kadang-kadang membaca. Seramai 48 orang yang berpendidikan rendah, tidak seorang pun yang sentiasa membaca buku, hanya 1 orang atau 2.0% kadang-kadang membaca buku dan 47 orang atau 97.9% tidak pernah membaca. Seramai 10 orang yang berpendidikan menengah, hanya 1 orang atau 10% yang kadang-kadang membaca buku dan 9 orang atau 90% tidak pernah membaca.

Daripada gambaran pada Jadual di atas, hanya 2 orang atau 2.8% yang membaca buku dan majoriti tidak membaca buku iaitu seramai 69 orang atau 97.1%

Jadual 4.15b: Frekuensi membaca buku bagi kaum wanita berdasarkan tahap pendidikan

Pendidikan	Responden	Sentiasa membaca	Kadang-kadang	Tidak pernah
Tidak bersekolah	14	-	-	14 (100%)
Pendidikan rendah	37	-	1 (2.7%)	36 (97.2%)
Pend menengah	11	-	1 (9.0%)	10 (90.9%)
JUMLAH	62	-	2 (3.2%)	60 (96.7%)

Gambaran pada Jadual 4.15b di atas iaitu frekuensi membaca buku bagi wanita berdasarkan tahap pendidikan. Mereka yang tidak bersekolah seramai 14 orang. Daripada jumlah itu, tidak seorang pun yang pernah membaca buku sama ada sentiasa membaca buku atau kadang-kadang membaca buku. Seramai 37 orang yang berpendidikan rendah, cuma 1 orang atau 2.7% yang kadang-kadang membaca buku dan 36 orang atau 97.2% tidak pernah membaca. Seramai 11 orang yang berpendidikan menengah, cuma 1 orang atau 9.0% yang kadang-kadang membaca buku dan 10 orang atau 90.9% tidak pernah membaca buku.

Daripada 62 orang responden kaum wanita berpendidikan ini, mereka yang membaca buku hanya 2 orang atau 3.2% dan majoriti tidak membaca buku seramai 60 orang atau 96.7%.

4.3.2.3 ANALISIS PEMBACAAN BUKU BERDASARKAN PEKERJAAN

Jadual 4.16a: Frekuensi membaca buku bagi kaum lelaki berdasarkan pekerjaan

Pekerjaan	Responden	Sentiasa membaca	Kadang-kadang	Tidak pernah
Estet	16	-	-	16 (100%)
Kerja kampung	30	-	-	30 (100%)
Berniaga	3	-	1 (33.3%)	2 (66.6%)
Bersekolah	22	-	1 (4.5%)	21 (95.4%)
JUMLAH	71	-	2 (2.8%)	69 (97.1%)

Jadual 4.16a di atas menjelaskan frekuensi membaca buku bagi kaum lelaki berdasarkan pekerjaan. Mereka yang bekerja di estet seramai 16 orang, kesemuanya tidak pernah membaca buku. Begitu juga yang bekerja kampung seramai 30 orang tidak seorang pun yang minat membaca buku.

Seramai 3 orang yang berniaga, cuma 1 orang atau 33.3% yang kadang-kadang membaca buku dan 2 orang atau 66.6% tidak pernah membaca. Seramai 22 orang masih bersekolah, tidak seorang pun yang sentiasa membaca buku, cuma 1 orang atau 4.5% yang kadang-kadang membaca dan bakinya 21 orang atau 95.4% tidak pernah membaca buku.

Gambaran daripada Jadual di atas menjelaskan bahawa hanya 2 orang atau 2.8% membaca buku dan majoriti tidak membaca buku iaitu seramai 69 orang atau 97.1% .

Jadual 4.16b: Frekuensi membaca buku bagi kaum wanita berdasarkan pekerjaan

Pekerjaan	Responden	Sentiasa membaca	Kadang-kadang	Tidak pernah
Estet	24	-	-	24 (100%)
Kerja kampung	3	-	-	3 (100%)
Suri rumah	20	-	-	20 (100%)
Guru tadika	2	-	1 (50%)	1 (50%)
Bersekolah	13	-	1 (7.6%)	12 (92.3%)
JUMLAH	62	-	2 (3.2%)	60 (96.7%)

Jadual 4.16b di atas menjelaskan frekuensi membaca buku bagi kaum wanita berdasarkan pekerjaan. Mereka yang bekerja di estet seramai 24 orang. Daripada jumlah itu, tidak seorang pun yang pernah membaca buku. Seramai 3 orang yang bekerja kampung, tidak seorang pun yang pernah membaca buku. Seramai 20 orang suri rumah tangga, tidak seorang pun yang pernah membaca buku sama ada sentiasa membaca atau kadang-kadang membaca buku. Mereka yang bekerja sebagai Guru Tadika seramai 2 orang, 1 orang atau 50% kadang-kadang membaca buku dan 1 orang lagi tidak pernah. Seramai 13 orang masih bersekolah, cuma 1 orang atau 7.6% kadang-kadang membaca dan 12 orang atau 92.3% tidak pernah.

Daripada Jadual di atas, kita dapat gambaran bahawa kaum wanita bekerja cuma 2 orang atau 3.2% yang membaca buku. Bakinya 60 orang atau 96.7% tidak pernah membaca buku.

4.3.3 AMALAN PEMBELIAN BUKU

Jadual 4.17: Pembaca membeli buku

Jantina	Responden	Membeli buku	Peratus
Lelaki	71	2	2.8%
Wanita	62	2	3.2%
JUMLAH	133	4	3.0%

Berdasarkan Jadual 4.17 di atas, amalan membeli buku di kalangan kaum lelaki dan wanita komuniti Orang Asli ini amat sedikit sekali. Sepanjang tahun kajian (tahun 2000), kaum lelaki yang berjumlah 71 orang, cuma 2 orang atau 2.8% yang membeli buku. Ini bermakna bilangan yang tidak membeli adalah majoriti iaitu seramai 69 orang atau 97.1%.

Bagi kaum wanita yang berjumlah 62 orang, cuma 2 orang atau 3.2% yang membeli buku sepanjang tahun kajian (2000). Ini bermakna bilangan yang tidak membeli seramai 60 orang atau 96.7%.

Secara keseluruhannya, hanya 4 orang atau 3.0% membeli buku. Ini bermakna yang tidak membeli buku adalah majoriti iaitu seramai 129 orang atau 96.9%

Jadual 4.18: Jenis buku yang dibeli

Jenis buku	Lelaki	Wanita
Hiburan	1 (50%)	1 (50%)
Komik	1 (50%)	1 (50%)
JUMLAH	2 (100%)	2 (100%)

Jadual 4.18 di atas menjelaskan jenis buku yang dibeli. Seramai 4 orang yang membeli buku. Bagi kaum lelaki hanya 2 buku dibeli iaitu 1 orang atau 50% membeli buku hiburan dan 1 orang lagi membeli 1 komik. Bagi kaum wanita, seramai 2 orang yang membeli buku iaitu 1 orang atau 50% membeli buku hiburan dan 1 orang lagi membeli buku komik.

Dengan itu, mereka yang membaca buku masih mengutamakan buku hiburan dan cerita komik (yang menggambarkan cerita-cerita khayalan dan rekaan semata-mata).

Daripada di Jadual di atas itu, hanya 4 orang atau 3.0% yang membeli buku dan majoriti seramai 129 orang atau 96.9% tidak pernah membeli sebarang buku, tidak pernah mengunjungi perpustakaan dan tidak pernah meminjam buku di perpustakaan.

4.3.3 TEMPAT MEMBACA BUKU

Jadual 4.19: Tempat membaca

Jantina	Responden	Rumah sendiri	Rumah jiran	Kedai
Lelaki	71	-	1 (1.4%)	1 (1.4%)
Wanita	62	1 (1.6%)	1 (1.6%)	-
JUMLAH	133	1 (0.7%)	2 (1.5%)	1 (0.7%)

Tempat membaca buku juga dikaji. Jadual 4.19 di atas merupakan tempat yang biasa kaum lelaki dan kaum wanita komuniti ini membaca buku. Bagi kaum lelaki, hanya 2 orang yang gemar membaca buku. Daripada 2 orang itu, 1 orang atau 1.4% suka membaca di rumah jiran dan 1 orang atau 1.4% membaca buku di kedai. Bagi kaum wanita, 2 orang yang membaca buku. Daripada 2 orang itu, 1 orang atau 1.6% suka membaca buku di rumah sendiri dan 1 orang atau 1.6% suka membaca buku di rumah jiran.

Berdasarkan Jadual di atas, tempat yang selesa dan digemari oleh mereka ketika membaca buku ialah di rumah jiran (1.5%) berbanding di kedai (0.7%) dan di rumah sendiri (0.7%). Ini kerana mereka selesa membaca buku di rumah jiran iaitu di samping membaca, mereka boleh berbual-bual.